

28/11/1999

Isu Anwar dijelas selepas bicara

BUKIT MERTAJAM: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan Barisan Nasional (BN) akan menjelaskan kepada rakyat apa yang sebenarnya berlaku berhubung kes membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim apabila perbicaraannya di mahkamah, selesai.

Perdana Menteri berkata pada masa ini kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa, walaupun pelbagai tuduhan dilemparkan terhadap pemimpin negara, kerana kes beliau (Anwar) masih dibicarakan di mahkamah.

"Dia (Anwar) kerap kali menggunakan perbicaraannya sebagai satu sandiwara politik dengan membuat tuduhan bertalu-talu terhadap semua orang dengan penuh kepercayaan apa yang dicakapkan dalam mahkamah tidak boleh dihurai, ditegur ataupun dikritik oleh orang lain.

"Dengan itu, dia melemparkan pelbagai tuduhan terhadap diri saya, Tun Daim dan pemimpin lain. Kita terpaksa senyap dan tidak boleh menjawab kerana kes itu sedang berjalan.

"Tetapi, apabila kes itu selesai kita akan jelaskan apakah yang sebenarnya berlaku. Sebenarnya dia bukan seperti yang digambarkan olehnya sendiri," katanya berucap merasmikan Politeknik Seberang Prai (SPS), Pulau Pinang, dekat sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; calon Parlimen dan Dewan Undangan Negeri kawasan Permatang Pauh serta kira-kira 5,000 rakyat pelbagai kaum.

Dr Mahathir berkata, Anwar akan menggunakan belas kasihan terhadap dirinya untuk memancing undi pada pilihan raya kali ini.

"Sebab itu, kita harus berfikir dengan mendalam sebelum kita memberi undi kepada sesiapa. Kita nak pilih kerajaan, bukan untuk lepas geram, emosi, perasaan sedih, marah dan sebagainya," katanya.

Perdana Menteri berkata, Anwar orang yang beliau sendiri terima, diberi didikan dan peluang, serta menyokong segala cita-citanya kerana dia ingin menjadi Perdana Menteri.

Menurutnya, beliau tidak halang kehendak Anwar jadi Perdana Menteri dan sebab itu apabila dia masuk Umno, dia diberi tempat untuk bertanding (pilihan raya).

"Selepas dia menang, dia dilantik sebagai Timbalan Menteri. Dia datang jumpa saya mengadu kenapa dia dilantik sebagai Timbalan Menteri.

"Saya jawab beberapa ramai lagi orang berada dan sudah lama berkhidmat dalam Umno, tidak ada jadi menteri. Saya bagi tempat pada anda (Anwar) sebagai Timbalan Menteri, anda patut bersyukur," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan, Anwar kemudian dinaikkan pangkat dengan memegang pelbagai jawatan menteri serta diberi sokongan setiap kali bertanding jawatan dalam Umno.

"Saya beri sokongan kerana saya sayang pada orang ini. Dia seorang yang terlalu `bercita-cita tinggi' tetapi nampaknya mempunyai bakat untuk jadi Perdana Menteri dan saya bagi tahu semua kawan saya dalam Majlis Tertinggi.

"Sehingga September 1998, saya masih percaya dialah orangnya akan jadi PM menggantikan saya. Namun, malang baginya dan malang bagi saya juga, pada masa itu, saya dapati dia tidak layak kerana keadaan moralnya buruk sekali.

"Tak ada perselisihan dari segi ekonomi atau politik, tetapi orang ini mempunyai kelakuan begitu buruk dan tidak boleh dibenar jadi Perdana Menteri," katanya.

( END )